

Headline	Pemeriksaan percuma pengunjung bazar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	19	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	68 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 314
Frequency	Daily	PR Value	RM 942



## Pemeriksaan percuma pengunjung bazar

**KUALA LUMPUR** – Pengunjung ke bazar amal anjuran Persatuan Kesihatan Reproduksi Keluarga Selangor dan Wilayah Persekutuan (SWP Freha) pada 3 Mac ini berpeluang membuat pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Bazar yang bermula 9.30 pagi di premis persatuan itu di Nombor 28 Lorong Syed Putra Kiri, Off Jalan Syed Putra (bersebelahan Wisma Belia) di sini juga akan diserikan dengan pertandingan melukis untuk kanak-kanak, jualan pakaian berjenama Henna untuk wanita, jualan lambak dan gerai makanan.

Setiausaha SWP Freha, Wan Azizah Wan Talib berkata, hasil jualan akan digunakan untuk membiayai pelbagai kegiatan persatuan itu seperti kaunseling, pemeriksaan HIV, perkhidmatan merancang keluarga, pemeriksaan kanser, *pap smear* dan rawatan kesuburan.

Maklumat lanjut tentang acara itu boleh didapati dengan menghubungi pengurus persatuan terabit, Doris John melalui talian **03-2274 3489** atau e-mel beralamat [swpfreha@gmail.com](mailto:swpfreha@gmail.com).